

---

**PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 9 TAHUN 2011**

---

**KEMUDAHAN TAMBANG PERCUMA KELUAR NEGERI BAGI PEGAWAI GRED  
UTAMA A DAN KE ATAS, GRED KHAS A SERTA YANG SETARAF  
DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

**TUJUAN**

1. Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Lembaga Pengarah Universiti bagi menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bil.5 Tahun 2010 berhubung keputusan Kerajaan untuk menambahbaik dasar mengenai Kemudahan Tambang Percuma ke Luar Negeri (TPKLN) kepada pegawai Gred Utama A dan keatas, Gred Khas A serta yang setaraf.

**LATARBELAKANG**

2. Kemudahan Tambang Percuma Ke Luar Negeri bagi pegawai Gred Utama A dan ke atas, Gred Khas A serta yang setaraf mula diperuntukkan sejak 1 Julai 1980. Penambahbaikan ke atas peraturan telah dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil.2 Tahun 2000.
3. Bagi memastikan pelaksanaan yang lebih fleksibel dan bersesuaian dengan keadaan semasa, Kerajaan telah bersetuju membuat penambahbaikan terhadap pemberian kemudahan ini.

**SYARAT DAN KELAYAKAN**

4. Syarat dan peraturan bagi penambahbaikan Kemudahan Tambang Percuma ke Luar Negeri (TPKLN) kepada pegawai Gred Utama A dan keatas, Gred Khas A serta yang setaraf adalah seperti lampiran pada pekeling ini.

## PROSEDUR PERMOHONAN

5. Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang JPA(Saraan) TPKLN seperti di Lampiran C Pekeliling Perkhidmatan Bil.5 Tahun 2010 melalui Unit Perkhidmatan & Saraan, Jabatan Pendaftar.
6. Jabatan Pendaftar akan mengemukakan permohonan yang lengkap ke pejabat Ketua Setiausaha Kementerian untuk mendapat kelulusan.

## TARIKH KUATKUASA

7. Pekeliling Pentadbiran ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 2010.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**Saya yang menjalankan tugas,**

  
**(HAJI MUSTAFA BIN IBRAHIM)**  
**PENDAFTAR**

Tarikh : 11 JUL 2011

### **Edaran Kepada.:**

Penolong Naib Canselor (Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Bendahari

Ketua Pustakawan

Semua Dekan / Pengarah / Ketua Jabatan

### **Salinan kepada.:**

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)



**PEKELILING PENTADBIRAN BIL.9 TAHUN 2011**

**KEMUDAHAN TAMBANG PERCUMA KELUAR NEGERI BAGI PEGAWAI GRED  
UTAMA A DAN KE ATAS, GRED KHAS A SERTA YANG SETARAF  
DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

**JABATAN PENDAFTAR  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

**SYARAT DAN PERATURAN BAGI PENAMBAHBAIKAN KEMUDAHAN TAMBANG  
PERCUMA KELUAR NEGERI BAGI PEGAWAI GRED UTAMA A DAN KE ATAS, GRED  
KHAS A SERTA YANG SETARAF DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

**SYARAT DAN KELAYAKAN**

1. Pemberian kemudahan TPKLN kepada bagi pegawai universiti Gred Utama A dan ke atas, Gred Khas A serta yang setaraf adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:
  - i. pegawai lantikan tetap di Gred Utama A dan ke atas, Gred Khas A serta pegawai yang setaraf dalam perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia; atau
  - ii. pegawai yang sedang memangku / dipinjamkan / ditukar sementara di Gred Utama A dan ke atas dan Gred Khas A serta pegawai yang setaraf;
  - iii. Pasangan pegawai ( seorang isteri atau suami);
  - iv. maksimum tiga (3) orang anak yang berstatus bujang, di bawah umur 21 tahun dan masih dalam tanggungan pegawai semasa permohonan dikemukakan. Anak bermaksud anak kandung, anak tiri dan anak angkat yang diambil secara sah mengikut undang-undang. Bagi anak daif yang disebabkan oleh kelemahan otak atau jasmani (yang tidak mampu menjaga diri sendiri) had umur tersebut tidak terpakai.
  - v. Pegawai layak kemudahan TPKLN mulai tarikh pegawai menjawat jawatan di Gred Utama A dan ke atas dan Gred Khas A. Bagi pegawai yang dalam pemangkuan/peminjaman/tukar sementara yang gred hakikinya, kemudahan ini diberi dalam tempoh pemangkuan/ peminjaman/ tukar sementara sahaja.
  - vi. Kemudahan TPKLN diberi sekali dalam tempoh lima (5) tahun perkhidmatan yang melayakkan. Perkhidmatan yang melayakkan bermaksud tempoh perkhidmatan tetap, pemangkuan dan peminjaman tukar sementara di Gred Utama A dan ke atas dan Gred Khas A.
  - vii. Kelayakan seterusnya bermula selepas genap tempoh lima (5) tahun perkhidmatan yang melayakkan.

## KAEDAH DAN KADAR

2. Pemberian kemudahan TPLKN diberi melalui salah satu (tidak boleh digabungkan) daripada kaedah-kaedah berikut;
  - i. Dalam bentuk tiket penerbangan yang tidak melebihi tambang perjalanan Kuala Lumpur ke London pergi dan balik (KL/ London/ KL) tertakluk kepada;
    - a. Tambang Kelas Satu bagi pegawai dan isteri/ suami; dan
    - b. Tambang Kelas Ekonomi bagi anak; atau
  - ii. Dalam bentuk wang tunai dengan kadar berikut;

KATEGORI	KADAR (RM)
Pegawai	32,000.00
Suami/ Isteri (seorang)	32,000.00
Anak (maksimum 3 orang)	6,000.00 seorang

## PERATURAN PEMBERIAN TPKLN DALAM BENTUK TIKET PENERBANGAN

3. Kemudahan TPLKN dalam bentuk tiket penerbangan hendaklah digunakan semasa pegawai masih dalam perkhidmatan yang melayakkan. Ahli keluarga boleh menggunakan kemudahan tiket penerbangan secara berasingan untuk mengikuti pegawai semasa pegawai menjalankan tugas rasmi atau menghadiri kursus di luar negeri.
4. Had tambang adalah berasaskan kepada harga tambang semasa (*full fare*) penerbangan KL/London/KL yang ditetapkan oleh syarikat Penerbangan Malaysia Berhad (MAS).
5. Bagi perjalanan ke destinasi yang tambang penerbangannya kurang daripada had tambang, hanya tambang sebenar *full fare* ke destinasi tersebut boleh diluluskan. Jika tambang penerbangan melebihi had yang ditetapkan, pegawai hendaklah menanggung sendiri perbezaan tambang yang berlebihan tersebut.
6. Pegawai boleh memilih untuk membeli tiket penerbangan yang lebih murah dengan menurunkan kelas penerbangan, membeli tiket dengan harga promosi, atau membeli

pakej pelancongan dengan harga yang lebih murah berbanding had tambang dan lain-lain syarat sebagaimana dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil.5 Tahun 2010.

#### **PERATURAN PEMBERIAN TPKLN DALAM BENTUK WANG TUNAI**

7. Pegawai boleh memilih untuk diberi TPKLN dalam bentuk wang tunai sekiranya pegawai tidak mahu menggunakan TPKLN dalam bentuk tiket penerbangan.
8. Jika pegawai tidak membuat pilihan untuk menggunakan TPKLN dalam bentuk tiket penerbangan atau wang tunai, pegawai boleh diberi TPKLN dalam bentuk wang tunai apabila;
  - a. genap lima (5) tahun perkhidmatan yang melayakkan;
  - b. bersara wajib/pilihan /atas sebab kesihatan/ kepentingan perkhidmatan;
  - c. tamat tempoh peminjaman/ tukar sementara dan kembali ke gred jawatan hakiki yang lebih rendah;
  - d. tamat tempoh pemangkuan dan kembali ke gred jawatan hakiki yang lebih rendah; atau
  - e. meninggal dunia dalam perkhidmatan di mana waris layak menerimanya mengikut kelayakan pegawai pada tarikh kematiannya. Pembayaran kepada waris hendaklah mengikut undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

#### **TARIKH KUATKUASA**

11. Pekeliling Pentadbiran ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 2010.

Unit Perkhidmatan & Saraan

Bahagian Sumber Manusia

Jabatan Pendaftar

Tarikh :     Julai 2011